

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA

TARIKH ..... 17 ..... BULAN ..... 07 ..... TAHUN ..... 2024 .....

UM 17/7/2024 m/s 23

# UMT, Yayasan Petronas, ECERDC bantu usahawan

UNIVERSITI Malaysia Terengganu (UMT), Yayasan Petronas dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) bekerjasama menganjurkan program Yayasan Petronas empower ECER Latihan Kemahiran dan Keusahawanan.

Ia bagi membantu mengangkat perusahaan perniagaan komuniti daerah Mersing dengan meningkatkan nilai jualan serta melonjakkan pulangan lebih tiga kali ganda daripada sebelumnya.

Program yang dirangka

khas itu melibatkan 169 peserta terdiri daripada komuniti Mersing pelbagai kaum termasuk orang asli yang telah menunjukkan minat mendalam dalam mengembangkan perniagaan yang diusahakan.

Pengarah Pusat Pemindahan Ilmu, Jaringan Industri dan Masyarakat (PPIJIM) UMT, Dr. Zuha Rosufila Abu Hassan berkata, UMT sering meletakkan masyarakat sebagai keutamaan dalam setiap aspek penyelidikan dan pembangunan untuk dimanfaatkan.

“UMT komited membantu komuniti dalam peningkatan pendapatan dan kualiti kehidupan kumpulan sasar seperti golongan berpendapatan rendah (B40), ibu tunggal dan sebagainya.

“Pelaksanaan projek komuniti adalah berfokus kepada pelaksanaan pantas, impak tinggi, mampu milik, memenuhi pasaran dan lestari,” katanya ketika ditemui di Majlis Graduasi dan Apresiasi Program Yayasan Petronas-UMT di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Mersing baru-baru ini.

Peserta program,

Nurfarizan Hassan, 38, bersyukur kerana terpilih bagi mengikuti program pembangunan usahawan bimbingan UMT.

“Ia suatu inisiatif yang sangat baik buat usahawan kecil seperti saya untuk mengembangkan jualan produk,” katanya yang mengusahakan produk lemgang frozen dan pes ikan bakar.

“Walaupun tinggal di Johor Bahru, saya kuatkan semangat untuk hadir ke kursus yang diadakan di Mersing demi kestabilan ekonomi keluarga,” katanya.